



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“
**KERATAN
AKHBAR
KESUMA**”

**SABTU
15 November 2025**



lokal

PERLINDUNGAN PERKESO 24 JAM

Kerajaan usul dua reformasi utama sistem perlindungan sosial

Oleh Mahani Ishak
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan sedang mengusulkan dua reformasi utama kepada sistem perlindungan sosial negara yang akan dibentangkan di Parlimen.

Menteri Sumber Manusia Steven Sim berkata, reformasi itu membabitkan perlindungan 24 jam kepada pencarum PERKESO yang membolehkan mereka membuat tuntutan atas sebarang kemalangan atau bencana pada bila-bila masa termasuk di luar waktu kerja atau hujung minggu.

"Reformasi kedua pula membabitkan Skim Insurans Pekerjaan (EIS) dengan pengenalan Elaun Mobiliti RM1,000 bagi pencarum yang menerima pekerjaan baharu sejauh lebih 100 kilometer dari tempat tinggal asal bertujuan membantu menampung kos perpindahan dan pengangkutan.

"Langkah ini akan memperluas jaringan perlindungan kepada pekerja gig dan mereka yang sedang mencari pekerjaan baharu, sekali gus menjadikan sistem keselamatan sosial negara lebih inklusif dan menyeluruh," katanya pada Majlis Anugerah Media PERKESO 2025 di Hotel Mandarin Oriental, malam

kelmarin.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Datuk Seri Subahan Kamal, Ketua Pegawai Operasi, Media Prima Bhd (Media Prima) Omnia Datuk Mohd Efendi Omar, Pengarang Urusan Kumpulan (GME) Media Prima Jasbant Singh, Timbalan Pengarang Urusan Kumpulan (DGME) Media Prima Farrah Naz Abd Karim dan Pengarang Kumpulan Harian Metro Husain Jahit.

Steven berkata, PERKESO sudah melaksanakan 10 penambahbaikan utama dalam tempoh dua tahun ini yang dilaksanakan berasaskan fokus kementerian terhadap tiga teras utama iaitu kebajikan, kemahiran dan keberhasilan (3K) bagi memastikan setiap pencarum menerima manfaat secara menyeluruh.

"Dalam masa singkat 24 bulan ini, PERKESO sudah melakukan pembaharuan besar-besaran yang menjadi *game changer* kepada sistem keselamatan sosial negara.

"Antara pencapaian utama ialah peningkatan manfaat kepada pencarum sebanyak 20 peratus, meningkatkan kadar faedah khariat kematian daripada RM2,000 kepada RM3,000 bagi meringankan beban keluarga waris.

"PERKESO juga mem-



STEVEN

perluas Skim Keilatan kepada pekerja migran yang membolehkan golongan itu menikmati perlindungan sama seperti pekerja tempatan, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada sumbangan derma atau dana awam jika berlaku kemalangan," katanya.

Selain itu, Steven berkata, PERKESO kini memiliki tiga pusat rehabilitasi, masing-masing di Melaka, Ipoh, Terengganu dan lokasi keempat bakal dibina di Pulau Pinang seperti diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 2026.

Pusat rehabilitasi itu, katanya bagi membantu proses pemulihan pekerja yang ditimpa musibah.

"Selain itu, sejak Februari lalu, sebanyak 1,400 klinik panel PERKESO di seluruh negara menawarkan rawatan tanpa bayaran

pendahuluan kepada pencarum, bagi memastikan akses rawatan kesihatan lebih mudah kepada golongan pekerja berpendapatan rendah.

"Sebelum ini, pencarum perlu membayar dulu kos rawatan antara RM150 hingga RM200 sebelum menuntut semula bayaran.

"Namun kini, mereka boleh terus menerima rawatan percuma di klinik panel tanpa perlu mendahulukan wang," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, PERKESO turut memendekkan proses kelulusan bantuan dialisis daripada 40 hari kepada tujuh hari, manakala tempoh mendapatkan surat jaminan hospital (GL) kini hanya mengambil masa 24 jam berbanding tiga hari sebelum ini.

Selain itu, katanya bantuan subsidi dialisis turut ditingkatkan daripada RM150 kepada RM170 bagi setiap rawatan, menjadikan tambahan kira-kira RM280 sebulan kepada penerima manfaat.

Beliau berkata, pelaksanaan Skim Perlindungan Kendiri di bawah Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig, membolehkan kategori pekerja tertentu seperti pengamal media yang bekerja sambilan untuk tetap dilindungi walaupun belum mencarum sepenuhnya.

Sabtu 15.11.2025 | **Harian Metro**



MOHD Alhafiz (kiri) dan Mohd Aizuddin diangkat sebagai pemenang pada malam Anugerah Media PERKESO 2025.
- Gambar NSTP/AMIRUDIN SAHIB

LAPORAN PERLINDUNGAN SOSIAL KEPADA GOLONGAN SURI RUMAH

Harian Metro rangkul Anugerah Laporan Media Cetak Terbaik

Kuala Lumpur: Laporan khas Harian Metro mengenai perlindungan sosial kepada golongan suri rumah diangkat sebagai penerima Anugerah Laporan Media Cetak Terbaik sempena Anugerah Media Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) 2025, di sini, malam kelmarin.

Laporan berita dihasilkan wartawan Harian Metro Mohd Alhafiz Ithnin bertajuk 'Tiga Juta Jadi Suri Rumah Di Malaysia' yang disiarkan pada 10 dan 11 Ogos lalu itu mengupas taraf pendidikan terkini suri rumah, dasar kerajaan serta perlindungan yang diberikan kepada wira di sebalik pembangunan modal insan negara.

Selain menyentuh tiga elemen berkenaan, laporan beliau turut menyerlahkan sokongan psikologi yang diperlukan oleh suri rumah serta cadangan daripada badan bukan kera-

jaan (NGO) Persatuan Suri Rumah Rahmah (SRR) bagi menambah baik kelestarian golongan itu.

Malah Mohd Alhafiz juga mendedahkan mengenai pendekatan kerajaan dalam melindungi golongan suri rumah dan Malaysia antara negara ke hadapan di rantau Asia Tenggara yang menitikberatkan golongan berkenaan menerusi pelbagai dasar.

Anugerah itu membolehkan beliau membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM3,000, plak dan sijil.

Sementara itu, jurugambar New Straits Times Press (NSTP) Mohd Aizuddin Akmal Saad menerima sagu hati kategori Anugerah Laporan Fotografi Terbaik, sekaligus membawa pulang hadiah RM1,000, plak serta sijil.

Hadiah disampaikan Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keong.

Vital partners in social protection

Sim thanks media for continuous reporting of PERKESO's role and policies

By BENJAMIN LEE
benkh@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The media's long-standing role as the voice of working Malaysians and a key partner in promoting social protection must continue to ensure a better future for the nation, says Steven Sim.

The Human Resources Minister said this role is especially crucial in communicating accurate policy changes and essential information to the public.

"The Social Security Organisation (PERKESO) has introduced 10 major game-changing reforms over the past two years, but we rely heavily on the media to communicate these changes.

"Many people are still unaware of the new benefits, and accurate reporting remains the only way they will learn about them," he said at the PERKESO Media Awards Ceremony 2025 on Thursday.

The 10 reforms include a 20% increase in contributors' benefits, higher death benefit payments, expanded coverage for migrant workers and the opening of two new rehabilitation centres in Ipoh and Penang.

Another significant reform is that workers no longer need to make upfront payments at PERKESO panel clinics, as medi-



Show of appreciation: Sim (back row, centre), Subahan (back row, seventh from left), media representatives and reporters having a group photo taken during the PERKESO Media Awards Ceremony 2025 in Kuala Lumpur. — CHAN TAK KONG/The Star

cal costs are now covered directly at more than 1,400 clinics nationwide.

Sim also revealed plans to enhance the Employment Insurance System, including higher training allowances and a new RM1,000 mobility incentive for job seekers who need to relocate.

He further commended the media for its role in combating

online disinformation and countering fast-moving false narratives.

"When the Gig Workers Bill was first introduced earlier this year, many false claims emerged suggesting it would burden workers, even though the system offers greater protection.

"That is why we deeply appreciate the media's role in conveying the truth and providing

clarity to the public.

"Today's ceremony celebrates not only outstanding journalism, but also our shared commitment to truth, protection and the well-being of every Malaysian worker," he said.

PERKESO board chairman Datuk Seri Subahan Kamal said the event reflected the strong bond between PERKESO and the media, describing the relation-

ship as a symbiosis that strengthens the country's social protection landscape.

"The news, features and reports you produced have helped millions of Malaysians understand their rights and the benefits provided under PERKESO's social protection schemes," he said.

Subahan added that thanks to the media's consistent coverage of PERKESO's policy developments, more than 300,000 media mentions had been recorded since 2020 across various platforms, including social media.

"This achievement is the result of the hard work and commitment of our media partners — reporting stories of workers who have been helped, families who have received support and patients who have regained hope.

"These stories form the lifeblood of PERKESO's mission, as every newspaper article, television segment and social media post brings PERKESO's impact closer to the hearts of Malaysians and reinforces public trust in its role as the guardian of the nation's social security.

"What we celebrate tonight is not only journalistic excellence, but also our shared resolve to build a more just, inclusive and sustainable social protection ecosystem," he said.

Menang kategori
Laporan Media
Digital, Laporan
Media Cetak dan
Podcast Terbaik

Oleh AISYAH BASARUDDIN
KUALA LUMPUR

Sinar Harian merangkul Anugerah Media PERKESO 2025 I LINDUNG U bagi kategori Laporan Media Digital Terbaik, Laporan Media Cetak Terbaik dan Podcast Terbaik.

Timbalan Pengarang Berita Sinar Harian, Mohd Ridzuan Abu Hassan mendapat tempat pertama bagi kategori Laporan Media Digital Terbaik, manakala tempat kedua untuk Laporan Media Cetak Terbaik dimenangi wartawan jenayah, Muhammad Alfam Ramli.

Tempat ketiga bagi kategori Podcast Terbaik dibolot oleh Nur Zilatulnaim Zulkafli dari portal gaya hidup dan hiburan, Sinar Plus.

Mohd Ridzuan berkata, ini merupakan kali pertama Sinar Harian menghantar bahan pencalonan untuk kategori media digital terbaik memandangkan hab utama penyampaian berita

adalah melalui akhbar.

Menurut beliau, fokus ke arah pendigitalan menunjukkan bahawa Sinar Harian selaku jenama akhbar berbahasa Melayu semakin berevolusi dari sudut penyampaian maklumat dan bidang kewartawanan.

"Akhbar adalah akar dan digital pula dahannya, saling memerlukan antara satu sama lain. Pada masa akan datang, kita lihat ke mana arah dedaun pohon itu pula.

"Ini bermakna Sinar Harian akan terus menyampaikan berita yang berkualiti dan berintegriti buat masyarakat melalui platform media sosial serta digital tanpa meninggalkan bahan utama dalam surat khabar.

"Menerusi pengiktirafan ini, kami akan terus mempergiatkan usaha dan menggembili tenaga wartawan kami yang berkemahiran untuk mencari bahan berita berkualiti tinggi," katanya kepada pemberita di Anugerah Media PERKESO 2025 I LINDUNG U yang diadakan di sebuah hotel di ibu negara pada



FOTO ROSLI TALIB

Dari kiri:
Muhammad
Afham, Mohd
Ridzuan dan
Nur Zilatulnaim
bergambar
dengan anugerah
yang diterima
sempena
Anugerah Media
PERKESO I
Lindung U 2025.

Khamis.

Pemenang pertama membawa pulang RM3,000, tempat kedua RM2,000 dan ketiga RM1,000, masing-masing turut menerima trofi serta sijil penghargaan daripada Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

Majlis bertemakan 'PERKESO

Selamanya Melindungimu' itu diadakan bagi mengiktiraf pejuang di sebalik haskiah dan terbitan yang bertungkus lumus menyampaikan maklumat penting mengenai perlindungan keselamatan sosial kepada rakyat.

Sumbangan pengamal media bukan sekadar menyampaikan berita, malah memberi impak

yang mendalam dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan keselamatan sosial di bawah naungan PERKESO.

Sebanyak tujuh kategori dipertandingkan bagi mengiktiraf karya berimpak tinggi yang diterbitkan antara 15 Jun 2024 hingga 31 Ogos 2025.

Laporan media tingkat peranan kesedaran keselamatan sosial

KUALA LUMPUR - Laporan media mengenai usaha Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam memperkukuh peranan rehabilitasi sebagai pemangkin kelangsungan sosioekonomi dilihat mampu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan jaringan keselamatan sosial negara.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, pengukuhan peranan itu penting khususnya dalam mendepani kesan perubahan demografi serta menangani jurang perlindungan dalam sektor tidak formal di negara ini.

Ujar beliau, usaha itu turut merangkumi aspek keadilan sosial bagi sektor tidak formal dan ekonomi ihsan, yang menjadi antara fokus utama pengantjaran Anugerah Media PERKESO.

"Dalam ruang lingkup ini, keadilan sosial menerusi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (LINDUNG Kendiri) dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (LINDUNG Kasih) amat penting, namun memerlukan peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat.

"Malah, perluasan khidmat rehabilitasi PERKESO menerusi pembangunan kemudahan baharu yang menerapkan teknologi tinggi juga menjadi penentu dalam Malaysia mendepani kesan tsunami emas.

"Di sini peranan media yang mempunyai pengaruh signifikan supaya



Steven (belakang, sembilan dari kanan) bergambar bersama para pemenang Anugerah Media PERKESO pada Khamis.

masyarakat cakna terhadap kepentingan keselamatan sosial dan hak mereka sebagai pencarum," katanya dalam kenyataannya pada Jumaat.

Menurut Steven, anugerah tahun ini menyaksikan sebanyak 115 penyertaan diterima daripada pelbagai platform media yang dihakimi menerusi tujuh kategori pertandingan, iaitu *Laporan TV Terbaik*, *Laporan Radio Terbaik*, *Podcast Terbaik*, *Laporan Media Cetak Terbaik*, *Laporan Portal Berita Terbaik*, *Laporan Media Digital Terbaik* dan *Laporan Fotografi*

Terbaik.

"Anugerah edisi kedua yang bertujuan mengiktiraf sumbangan media itu turut mengetengahkan laporan mengenai perluasan fungsi PERKESO menerusi program saringan kesihatan, terutama bagi membendung peningkatan penyakit tidak berjangkit," ujamnya.

Tambah beliau, Kementerian pada minggu lalu selesai membentangkan bacaan pertama bagi Rang Undang-Undang (RUU) Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (LINDUNG 24/7)

dan pindaan bagi menambah baik Skim Insurans Pekerjaan (LINDUNG Kerja).

"Pembentangan ini adalah bertujuan bagi menambah baik faedah kepada orang berinsurans, memperkukuh tadbir urus serta meningkatkan kecekapan pelaksanaan dasar pasaran buruh aktif, agar lebih ramai rakyat mendapat manfaat secara langsung.

"Matlamat akhir kita ialah supaya untuk memastikan tiada rakyat yang terpinggir daripada perlindungan sosial negara," katanya.